

HARI : SABTU
TARIKH : 4/1/2020
M/SURAT : 5

RON97 naik 2 sen, RON95, diesel kekal

Putrajaya: Harga runcit petrol RON97 naik dua sen kepada RM2.65 sen seliter, manakala RON95 dan diesel masing-masing kekal pada paras RM2.08 satu liter dan RM2.18 satu liter, mulai tengah malam tadi.

Kementerian Kewangan dalam kenyataan semalam, berkata harga runcit produk petroleum itu bagi tempoh 4 Januari sehingga 10 Januari ini.

"Berdasarkan penetapan harga runcit produk petroleum secara mingguan menggunakan formula Mekanisme Harga Automatik (APM), harga runcit produk petrol RON95 dan diesel bagi tempoh sama sepatutnya sebanyak RM2.35 satu liter

dan RM2.43 satu liter.

"Ini menunjukkan kenaikan dari minggu lalu bagi harga runcit produk petrol RON95 yang berada pada paras RM2.33 satu liter dan diesel yang berada pada paras RM2.39 satu liter.

"Namun, harga runcit bagi dua produk itu dikekalkan pada paras RM2.08 satu liter dan RM2.18 satu liter selaras keputusan kerajaan menangguhkan Program Subsidi Petrol," katanya.

Menurut kenyataan berkenaan, dengan pengekalan harga runcit bagi kedua-dua produk itu dianggarkan subsidi yang perlu ditanggung oleh kerajaan bagi tempoh 4 Januari sehingga 10 Januari 2020 berjumlah RM128.24 juta.